

**130,000 Anak Kelantan Di Luar Negeri Mampu Pengaruhi Undi Kelantan
Bernama
2 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Seramai 130,000 anak Kelantan yang bermastautin di luar negeri berkenaan dijangka memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pengundi untuk memilih Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-13 akan datang, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata pengundi luar Kelantan berkenaan, yang membentuk 15 peratus daripada keseluruhan undi di negeri itu, mampu menyebarkan maklumat positif mengenai kesan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

"Ramai anak Kelantan, terutama yang tinggal di Lembah Klang, dapat menyaksikan bagaimana GTP dan ETP memberi kesan positif terhadap mata pencarian mereka," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa di kediamannya di sini.

Kata beliau, jumlah besar pengundi luar Kelantan serta pengaruh mereka dalam masyarakat mampu untuk membantu mempengaruhi keadaan di negeri berkenaan, terutama dalam kalangan ahli keluarga dan komuniti berdekatan dengan mereka.

Kata beliau dengan perkembangan positif berkenaan, BN dijangka mempunyai peluang yang lebih baik di Kelantan pada pilihan raya akan datang berbanding pilihan raya 2008.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685263>

